

Headline	TAPAK KARIER AMAR, TASHA, AIMAN		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	37to39	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2529 cm ²
Journalist	NOORASHREEN ISMAIL	AdValue	RM 21,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,966



hab HIB

Segalanya Hiburan

Jumaat 16 Ogos 2013

DALAM banyak lambakan pelakon baharu, ternyata Tasha Shila, Aiman Hakim Redza dan Amar Ashraf bernasib baik. Rezeki tidak pernah putus dan jauh meninggalkan pelakon seangkatan yang lain. Bersyukur dengan apa yang diperoleh, Tasha, Aiman dan Amar bercakap tentang keberuntungan mereka serta sedikit cerita Aidilfitri.



TAPAK KARIER AMAR, TASHA, AIMAN

Headline	TAPAK KARIER AMAR, TASHA, AIMAN		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	37to39	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2529 cm ²
Journalist	NOORASHREEN ISMAIL	AdValue	RM 21,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,966

Variasi Aiman, Tasha, Amar

SEGAK berbaju Melayu dan kebaya semasa sesi fotografi di Hotel Istana, Kuala Lumpur baru-baru ini, tiga pelakon muda, Aiman Hakim Redza, Tasha Shilla dan Amar Asyraf begitu teruja untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Sebagai duta Anugerah Syawal saluran TV3 tahun ini, agak mudah mempertemukan ketiga-tiga pelakon ini dalam satu sesi.

Walaupun sibuk menguruskan karier, persiapan hari raya tidak pernah dilupakan. Tambahan pula, akui mereka, hari raya ialah hari untuk meluangkan masa bersama keluarga.

Jadi, masing-masing punya cerita berbeza tentang cara dan pengalaman menyambut Aidilfitri.

Aiman beraya di luar negara

Bagi pelakon tinggi lampai, Aiman Hakim Redza, hari rayanya tahun ini agak berlainan.

Ini kerana dia dan keluarga menyambut hari raya di United Kingdom (UK).



glamorama

Oleh NOOR ASHREEN ISMAIL
ashreen.ismail@kosmo.com.my

"Raya kali ini kami sekeluarga berada di UK kerana adik dan kakak saya ada di sana. Kebetulan pula adik saya menghadiri konvoquesyen, kakak juga belajar di sana.

"Kami ke sana selama tiga minggu untuk meluangkan masa bersama," ujar Aiman yang berangkat ke negara itu pada hari raya pertama.

Tasha cuti empat hari

Bagi pelakon cantik, Tasha Shilla atau nama sebenarnya, Natasha Sheila Abd Razak, raya tahun ini tiada bezanya berbanding sambutan pada tahun-tahun terdahulu.

Oleh kerana komitmen terhadap kerja, Tasha hanya mengam-

DARI kiri: AMAR, Tasha dan Aiman mempunyai cerita raya masing-masing yang menarik untuk dikongsi bersama peminat.



STRATEGI. Ketiga-tiga figura ini bijak memilih watak dalam produksi drama-drama lakonan mereka supaya kekal diingati penonton biarpun tidak kerap muncul di TV.



Headline	TAPAK KARIER AMAR, TASHA, AIMAN		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	37to39	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	2529 cm ²
Journalist	NOORASHREEN ISMAIL	AdValue	RM 21,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,966

bil cuti raya selama empat hari. "Saya ambil cuti raya empat sahaja. Seperti biasa, persediaan kami tidaklah terlalu meriah.

"Kami memang dari dahulu tidak pernah ada tema warna untuk raya. Masing-masing diberi kebebasan untuk mengikut cita rasa sendiri.

"Keluarga saya bukan jenis yang terlalu mengikut ritual sebegitu kerana kami sibuk dengan kerja, jadi kami hanya membuat persiapan untuk diri sendiri.

"Kami banyak guna masa cuti untuk berehat kerana sudah penat bekerja sepanjang Ramadan," tutur Tasha yang gemarkan lemang, rendang, kuih tart dan lodeh sebagai juadah hari raya.

Ujarnya lagi, cuti raya empat hari itu digunakan untuk pulang ke kampung di Ulu Yam dan Kulai, Johor.

Amar teruja sambut raya

Lain pula keterujaan Amar yang kali ini merupakan tahun pertama dia menyambut raya sebagai seorang suami. Ceritanya, selain teruja dia juga agak gementar kerana bakal melalui pengalaman berbeza.

"Dulu, bujang lain keadaannya, semua boleh dilakukan pada minit terakhir. Tahun ini saya perlu memilih kuih raya,

buat rumah terbuka, tukar langsir dan kemas rumah yang semua itu merupakan perkara baharu untuk saya," katanya.

Tahun ini Amar pulang ke rumahnya di Masjid Tanah, Melaka dahulu.

Selepas itu, barulah Amar pulang ke rumah keluarga isterinya di Bidor, Perak pada raya kedua.

"Saya mengambil cuti raya selama dua atau tiga minggu," jelasnya yang akan pergi berbulan madu selama seminggu bersama isteri.

Selain komitmen kerja yang perlu dilakukan selepas cuti raya, tutur Amar, dia juga merancang untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan Pengurusan Seni di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) di Kuala Lumpur.

Foto: ABDUL RAZAK LATIF
Busana:

- Lalan Designs (baju kurta Aiman dan Amar)
- Lats Collection (baju Melayu Amar)
- Jakel (baju Melayu Aiman)
- Cosry (kebaya hijau Tasha)
- Koleksi TV3 (kebaya Nyonya Tasha)

Lokasi: Hotel Istana, Kuala Lumpur



JIKA Tasha dan Aiman beraya bersama keluarga masing-masing, lain pula bagi Amar yang kali pertama meraikan Aidilfitri sebagai seorang suami.



TIGA figura ini akan kembali sibuk dengan karier seni masing-masing selepas cuti raya.

Pengalaman membina nama

PENGALAMAN selama beberapa tahun berlakon dalam industri seni tempatan banyak memantangkan Aiman, Tasha dan Amar.

Tidak dinafikan mereka ialah pelakon baharu. Namun, impak memilih watak yang sesuai dan tawaran yang baik berjaya mengekalkan nama mereka di hati peminat. Walaupun jarang muncul di kaca televisyen, nama mereka sudah dikenali ramai.

Namun begitu, bukan semua artis baharu mampu mengekalkan nama walaupun mereka pernah meledak naik dalam sesebuah drama mahupun filem.

Sebagai artis baharu, Aiman, Tasha dan Amar mempunyai pandangan tersendiri mengenai bagaimana ingin mengekalkan nama dalam bidang lakonan.

"Bagi saya, itu rezeki masing-masing. Apa yang paling saya percaya, kualiti kerja dan ketepatan masa ketika bekerja harus dijaga.

"Malah, pergaulan kita semasa bekerja juga perlu baik jika mahu membina nama. Jika kita diam sahaja dan membawa diri, bagaimana orang mahu ambil kita bekerja?" tutur Tasha serius tentang kariernya.

Bicara Aiman pula, skop dari segi skrip iaitu pengolahan sangat kurang. Katanya, bukan mahu berlagak pandai, tapi penonton boleh menilai sendiri sama ada skrip dan ceritanya bagus atau tidak.

"Hal ini akan menyukarkan pelakon baharu mengingati skrip sekali gus menjejaskan mutu lakonan mereka.

Melontarkan pendapatnya, jelas Amar: "Sebagai pelakon baharu, saya perlu pilih tawaran yang betul dan karakter yang berlainan.

"Nasihat saya, jangan terlalu kerap keluar di kaca TV kerana apabila sudah popular, biarlah diri anda menjadi eksklusif hinggalah penonton berasa rindu untuk melihat lakonan anda."